

KENYATAAN PELAWAAN RFP

Tawaran Pelawaan Mengemukakan Cadangan Pembangunan Secara Usaha Sama (**RFP**) Bagi Tajuk Seperti Berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN RFP	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN RFP DIJUAL	TARIKH TUTUP RFP
TAJUK PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN PEMBANGUNAN SECARA USAHA SAMA (RFP) BAGI PEMBANGUNAN DI ATAS TAPAK KOMERSIAL (LOT 57) MILIK PKNS SELUAS 2.37 EKAR DI PERSIARAN TASIK, SEKSYEN 14, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.	MODAL BERBAYAR: MEMPUNYAI MODAL MINIMUM RM10 JUTA PENGALAMAN SYARIKAT : PROJEK PEMBANGUNAN MINIMUM RM100 JUTA	BAHAGIAN PEROLEHAN, Tingkat 2, Blok D, Ibu Pejabat PKNS, No. 2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, Shah Alam, Selangor. Pada : 12 Februari 2025 Hingga 21 Februari 2025 Jam: 9:00 Pagi - 4:00 Petang	24 Mac 2025 (Isnin) Jam 12:00 Tengahari

- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) ingin mempelawa mana-mana syarikat pemaju hartanah swasta yang berkelayakan dan berminat untuk membangunkan secara Usaha Sama (Joint Venture) sebuah **Tapak Komersial (Lot 57)** milik PKNS di **Persiaran Tasik, Seksyen 14, Shah Alam** seluas **2.37** ekar.
- Syarikat yang berminat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut :
 - Mempunyai Modal Berbayar sekurang-kurangnya sebanyak **RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Juta Sahaja)**
 - Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan projek pembangunan yang bernilai sekurang-kurangnya **RM100,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Juta Sahaja)** bagi **satu (1) kontrak** dalam tempoh **lima (5) tahun** terdahulu.
- Dokumen RFP hanya akan dikeluarkan kepada Syarikat atau Wakil Syarikat yang sah sahaja. Sekiranya pihak syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, SIJIL SURUHANJAYA MALAYSIA (SSM), SIJIL-SIJIL BERKAITAN** serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli Dokumen RFP.

4. Dokumen RFP akan dijual pada harga **RM500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)**. Bayaran pembelian Dokumen RFP boleh dibuat secara **Kad Debit atau Kad Kredit** dan hendaklah dibuat di **Kaunter Bayaran Blok B, Bangunan Ibu Pejabat PKNS** dengan **mendapatkan resit** pembayaran **sebelum** hadir ke Bahagian Perolehan untuk membeli dokumen.
5. Dokumen RFP dan kertas cadangan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14, 40000 SHAH
ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN No. Tel: 03-5525
0300 <http://etender.pkns.gov.my>

6. Dokumen RFP dan kertas cadangan yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.